

Islam di Sarawak : sejarah awal dan faktor-faktor perkembangan Islam di Sarawak

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertajuk "Islam Di Sarawak:Sejarah Awal dan Faktor-faktor Perkembangan Islam di Sarawak". Persoalan utama kajian ini adalah bagaimana Islammula berkembang di Sarawak. Persoalan ini dibahagikan kepada beberapa persoalan; 1) Bagaimana kerajaan Brunei berperanan dalam proses penyebaran Islam? 2) Bagaimana peranan para pedagang? 3) Bagaimana ulama bergerak aktif menyampaikan dakwah Islam? 4) Bagaimana keadaan masyarakat Sarawak di awal kedatangan Islam? dan beberapa persoalan lain seperti peranan Datu Andi (Raja Jarum) dan tokoh-tokoh pembesar lain. Kaedah penyelidikan, pengkaji menggunakan kaedah persejarahan, dan teknik kajian adalah dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas. Berdasarkan hasil kajian ini menunjukkan bahawa Islam datang ke Sarawak dalam keadaan masyarakat yang sedar dan inginkan perubahan beragama dan sesuai dengan kehidupan yang mereka lalui. Kajian juga menunjukkan peranan kesultanan Brunei dalam merealisasikan dakwah Islam di bumi Sarawak tersebar luas disamping bantuan ahli peniaga, golongan syarif, maulana serta faktor perdagangan.

Kata kunci: Islam; Sarawak; Brunei; Perkembangan; Dakwah